

GABUNGAN SEKTOR PERTANIAN DALAM PENGAJARAN ISLAM



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menandatangani plak penyerahan Pusat Latihan Pertanian Sinaut.

■ **Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

TUTONG, Selasa, 15 Jun. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hari ini meneroka sejarah baharu dengan menerima kampus tambahan pada Majlis Penyerahan Penggunaan Pusat Latihan Pertanian Sinaut, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan kepada UNISSA, di sini.

Hadir menyaksikan majlis penyerahan tersebut, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apeng.

Surat Penyerahan Pusat Latihan Pertanian Sinaut disampaikan oleh Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah kepada Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sebelum majlis penyerahan disempurnakan, Rektor UNISSA dalam ucapan alu-aluan antara lain menjelaskan, "Fakulti Pertanian yang pada awalnya dimaksudkan bagi Kampus UNISSA di Temburong kemudian nanti tidak dapat lagi ditangguhkan pelaksanaannya.

Tambahan lagi, perkembangan fakulti-fakulti dan program-program baharu UNISSA mendorong pada keperluan tempat yang lebih luas dan selesa bagi menampung pelajar-pelajar yang semakin ramai. Justeru, UNISSA memerlukan tempat baharu bagi menampung perkembangan tersebut".

Oleh yang demikian, terangnya, kemurahan hati Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama

dan Pelancongan menawarkan penggunaan Pusat Latihan Pertanian Sinaut sebagai tempat pembelajaran dan penyelidikan kepada UNISSA adalah bertepatan pada masanya. Ibarat orang mengantuk disurungkan bantal, UNISSA menyambut tawaran itu dengan 'kecil tapak tangan nyiru kami tadahkan'.

Tambahnya, kemudahan bangunan yang diserahkan ini, termasuklah bangunan pentadbiran, bilik-bilik kuliah, asrama, kantin, makmal saintifik, banglo, flat yang akan dijadikan asrama juga Dewan Serbaguna. Keseluruhan bangunan ini akan dinaik taraf agar keselesaan dan kesejahteraan para pelajar dan warga kerja UNISSA terjamin. InsyaAllah, kampus ini akan dapat dimanfaatkan secara berfasa digunakan sepenuhnya bermula Januari 2022.

Dengan penyerahan penggunaan Pusat Latihan Pertanian Sinaut ini, UNISSA, sekali gus memperkenalkan penubuhan Fakulti Pertanian yang merupakan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda semasa Keberangkatan Lawatan Tidak Berjadual ke UNISSA pada 12 Oktober 2020.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah baginda menyarankan untuk UNISSA menubuhkan Fakulti Pertanian kerana ia

akan memberikan UNISSA satu keunikan sebagai universiti Islam di rantau ini yang menitikberatkan penggabungan sektor pertanian dalam pengajaran Islam demi kepentingan dan survival negara.

Penggunaan Pusat Latihan Pertanian Sinaut sebagai Kampus UNISSA, Sinaut dijangka akan mula beroperasi pada semester II, sesi akademik 2021 / 2022, iaitu pada bulan Januari 2022 dengan penawaran beberapa Program Prasiswazah dan Siswazah di bawah Fakulti Pertanian dan Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban serta bahagian-bahagian lain, seperti Perpustakaan, Pusat Teknologi dan Multimedia, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pejabat Estet.

Dalam majlis penyerahan berkenaan juga, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menandatangani plak penyerahan Pusat Latihan Pertanian Sinaut dan sempat membuat tinjauan ke beberapa buah bilik juga turut menyaksikan pameran berkaitan Fakulti Pertanian dan Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, UNISSA.

Pameran, antara lain memaparkan pencapaian akademik kedua-dua fakulti dan pusat berkenaan, aktiviti-aktiviti dan penyelidikan yang telah dijalankan serta perancangan pada masa akan datang.

Antara objektif majlis penyerahan tersebut ialah untuk memperkenalkan penubuhan Fakulti Pertanian, UNISSA dan Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban yang akan beroperasi, di Kampus Pusat Latihan Pertanian Sinaut dan membarigakan usaha yang dilaksanakan oleh UNISSA dengan kerjasama pihak-pihak



PEMANGKU Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah menyampaikan Surat Penyerahan Pusat Latihan Pertanian Sinaut kepada Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (kanan).

berkenaan demi melancarkan lagi proses penaiktarafan Kampus Pusat Latihan Pertanian Sinaut.

Turut hadir menyaksikan majlis penyerahan tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Tutuati binti Haji Abdul Wahab; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Pegawai-pegawai Kanan KSSUP dan UNISSA.

■ **PENGGUNAAN** Pusat Latihan Pertanian Sinaut sebagai tempat pembelajaran dan penyelidikan kepada UNISSA adalah bertepatan pada masanya.

■ **DENGAN** penyerahan penggunaan Pusat Latihan Pertanian Sinaut ini, UNISSA sekali gus memperkenalkan penubuhan Fakulti Pertanian yang merupakan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda semasa Keberangkatan Lawatan Tidak Berjadual ke UNISSA pada 12 Oktober 2020.

■ **PENGGUNAAN** Pusat Latihan Pertanian Sinaut sebagai Kampus UNISSA, Sinaut dijangka akan mula beroperasi pada semester II, sesi akademik 2021 / 2022, iaitu pada bulan Januari 2022 dengan penawaran beberapa Program Prasiswazah dan Siswazah di bawah Fakulti Pertanian dan Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban serta bahagian-bahagian lain, seperti Perpustakaan, Pusat Teknologi dan Multimedia, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pejabat Estet.

Pelanjutan penangguhan sementara

>> **Muka 1**

Kemasukan dan perjalanan transit melalui Negara Brunei Darussalam hanya boleh dipertimbangkan bagi kenderaan-kenderaan yang mempunyai Permit Lintas Batas dan Penyata Kebenaran Transit yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam, dengan jaminan atau sokongan daripada pihak berkuasa negara yang berkenaan, dengan dikenakan syarat dan prosedur kemasukan yang sedia ada, bagi tujuan berikut; (i) Atas urusan rasmi kerajaan; (ii) Persekolahan; (iii) Perkhidmatan - perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera) dan (iv) Vaccinated Transport Operators yang berdaftar di luar negara dengan Permit Lintas Batas yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam bagi penghantaran bekalan import yang penting.

1.2 Pengambilan dan penghantaran barangan milik individu di lokasi-lokasi khusus di pekarangan sempadan (checkpoints) yang dibuat oleh runners berdaftar di Negara Brunei Darussalam;

1.3 Keluar dan masuk negeri secara ulang alik (commuters) melalui pos-pos kawalan darat mahupun laut bagi tujuan pekerjaan.

2) Pelanjutan penangguhan sementara kebenaran

kemasukan dan keluar negeri bagi lima buah negara dari Subbenua India, iaitu Republik India, Republik Demokratik Persekutuan Nepal, Republik Sosialis Demokratik Sri Lanka, Republik Islam Pakistan dan Republik Rakyat Bangladesh selama dua minggu lagi dari 16 hingga 30 Jun 2021, bagi :

2.1 Perjalanan masuk semua warganegara asing yang berlepas dari atau melalui mana-mana lapangan terbang di Subbenua India (India, Nepal, Sri Lanka, Pakistan dan Bangladesh).

Walau bagaimanapun, pemegang passport diplomatik dan anggota angkatan bersenjata yang ditugaskan di Negara Brunei Darussalam adalah dibolehkan untuk memasuki negara ini mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.

2.2 Perjalanan warganegara asing yang berlepas dari Subbenua India (India, Nepal, Sri Lanka, Pakistan dan Bangladesh) dengan melalui Negara Brunei Darussalam secara transit; dan

2.3 Perjalanan keluar dari Negara Brunei Darussalam menuju ke Subbenua India (India, Nepal, Sri Lanka, Pakistan dan Bangladesh) atas apa jua sebab atau urusan.

Walau bagaimanapun, pemegang passport diplomatik

dan anggota angkatan bersenjata yang ditugaskan di negara ini adalah dibolehkan untuk membuat perjalanan keluar negeri serta warganegara asing yang memegang pas pekerjaan atau pas tanggungan yang mana telah dibatalkan atau pemegang Special Authorisation Work Pass atau Professional Visit Visa yang telah bekerja sementara di Negara Brunei Darussalam dan akan kembali ke negara asal masing-masing secara tetap.

2.4 Penangguhan kebenaran ini juga dikenakan bagi warganegara asing yang telah diberikan kebenaran awal untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dari Subbenua India (India, Nepal, Sri Lanka, Pakistan dan Bangladesh) melalui penerbangan yang telah dibenarkan sebelum ini, maka kebenaran tersebut adalah ditarik balik.

Syarat-syarat bagi pertimbangan keluar masuk yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Pandu Hal Ehwal Rentas Sempadan dari semasa ke semasa. Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah melayari Laman Sesawang JPM di alamat www.pmo.gov.bn/travelportal atau menghubungi *travel hotline* menerusi talian 120 semasa waktu bekerja ataupun melalui e-mel ke travelapplication@jpm.gov.bn.



YANG Berhormat semasa menyaksikan pameran diiringi oleh Dekan Fakulti Pertanian.